



Naib Canselor terima anugerah AGBA

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim menerima anugerah 2010 AGBA Life-Time Achievement Award sempena The 7th Academy for Global Business Advancement (AGBA) World Congress anjuran Academy for Global Business Advancement (AGBA), USA dan Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan, Universiti Putra Malaysia (UPM) di Palm Garden Hotel Putrajaya pada 1 hingga 3 Disember 2010 yang lalu.

Anugerah disampaikan Pengerusi Persidangan, Profesor Dr. Shawn Carraher dari Minot State University, USA.

Penganugerahan ini mengiktiraf keserjanaan beliau dalam bidang perakaunan, pendidik, penyelidik serta penglibatan beliau berkaitan pengurusan dan badan-badan profesional.

Selain itu, anugerah ini turut mengiktiraf sumbangan dan jasa beliau dalam perkembangan pengajian pengurusan dan perniagaan di Malaysia.

Persidangan selama tiga hari ini juga berjaya menarik minat lebih 250 pembentang di kalangan peserta dalam dan luar negara yang membentangkan kertas kerja mengenai bidang pengajian perniagaan termasuk pengurusan, perakaunan, kewangan, pemasaran, strategi dan pengurusan sumber manusia.